

# DYFAZINE CREAM 1%

Silver Sulphadiazine (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyfazine Cream
2. Bagaimana Dyfazine Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyfazine Cream
4. Cara menggunakan Dyfazine Cream
5. Semasa menggunakan Dyfazine Cream
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyfazine Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyfazine Cream

Digunakan untuk rawatan dan pencegahan jangkitan luka dan mencegah sepsis (jangkitan yang boleh mengancam nyawa) terhadap mereka yang mengalami kulit terbakar tahap dua dan tiga.

## Bagaimana Dyfazine Cream berfungsi

Silver Sulphadiazine mempunyai aktiviti antimikробial yang luas terhadap bakteria, yis dan kulat.

## Sebelum menggunakan Dyfazine Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyfazine Cream pada:

1. Bayi pramatang dan yang baru lahir (kurang dari 2 bulan)
2. Wanita mengandung

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Ia perlu digunakan hanya dalam kes-kes di mana kawasan terbakar meliputi lebih daripada 20% keseluruhan kawasan badan atau jika manfaat Dyfazine terhadap individu yang terbakar melebihi kemungkinan risiko terhadap bayi dalam kandungan. Ia tidak diketahui sama ada Dyfazine Cream terdapat dalam susu manusia, oleh itu langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila digunakan oleh ibu-ibu yang menyusukan anak.

Keselamatan dan keberkesanannya terhadap kanak-kanak belum dikenalpasti. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan

nasihat sebelum menggunakan Dyfazine Cream.

### - Sebelum mula menggunakan Dyfazine Cream

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai:

1. Hipersensitiviti kepada silver sulphadiazine atau sulfonamides
2. Kekurangan enzim Glucose-6-Phosphate Dehydrogenase (G6PD)
3. Hati atau buah pinggang terjejas

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan enzim proteolitik topikal dan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dyfazine Cream

### - Berapa banyak harus digunakan Penggunaan

Luka terbakar perlu dibersihkan dan krim disapu ke seluruh kawasan terjejas dengan ketebalan 3 – 5 mm. Penggunaan krim terbaik diguna dengan sarung tangan dan/atau spatula yang steril. Apabila perlu, krim boleh disapu semula di mana-mana kawasan yang telah hilang sapuan kesan daripada aktiviti individu.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyfazine Cream untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perubatan segera.

Untuk penggunaan sulphonamides topikal, masalah terlebih dos selalunya jarang berlaku. Hentikan perubatan dan rujuk doktor dengan segera jika tindak balas serius yang luar biasa telah berlaku.

## Semasa menggunakan Dyfazine Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyfazine Cream.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyfazine Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ia harus digunakan dengan berhati-hati terhadap mereka dengan kekurangan enzim G6PD yang mungkin menyebabkan pemusnahan sel darah merah selepas penggunaan krim ke kawasan yang luas pada badan.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dyfazine Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-sesan sampingan Dyfazine Cream termasuk:

Tindak balas sensitiviti terhadap mereka yang pernah mengalami sulphonamide sensitiviti. Kekurangan darah putih yang sementara juga telah berlaku. Penyerapan Silver Sulphadiazine juga berbeza-beza bergantung dengan peratus keluasan badan dan sejauh mana kerosakan tisu.

# DYFAZINE CREAM 1%

Silver Sulphadiazine (1% w/w)

Sesetengah tindak balas seperti penyakit darah, tindak balas kulit dan alergi, reaksi setempat telah dilaporkan terhadap mereka yang dirawat dengan silver sulphadiazine; pengelupusan kulit mati mungkin dilambatkan dan jangkitan kulat pada luka boleh berlaku, keradangan dan kematian sel hati, tindak balas pada sistem saraf pusat dan kegagalan buah pinggang yang disebabkan oleh racun atau jangkitan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [nprra.moh.gov.my](http://nprra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Dyfazine Cream

#### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak Simpan di tempat kering di bawah 30°C Lindungi daripada cahaya Untuk kegunaan luar sahaja

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Warna putih dengan wangian semulajadi

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Silver Sulphadiazine

- Bahan-bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Emulgator 1000 NI, Chlorocresol, Purified Water & Glycerin

MAL19950334AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

27/07/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)100718/00188